

BAHAGIAN B
[40 MARKAH]
JAWAB **SEMUA** SOALAN

SOALAN 1

1. Berikan **dua (2)** kesan sekiranya tidak mempelajari Fiqh Muallaf

(4 Markah)

2. Nyatakan **dua (2)** kepentingan mempelajari ilmu Fiqh Muallaf

(4 Markah)

3. Lalita baru telah memeluk Islam ketika usianya 30 tahun, adakah dia wajib menggantikan semua solat yang ditinggalkan sebelum menganut Agama Islam?

(2 Markah)

SOALAN 2

1. Nyatakan **empat (4)** sumber utama hukum syarak yang disepakati ulama'.

(4 Markah)

2. Berikan maksud Fiqh Muallaf dari segi Istilah

(2 Markah)

3. Nyatakan **tiga (3)** objektif mempelajari Fiqh Muallaf dalam kehidupan.

(3 Markah)

4. Berikan maksud fiqh dari segi bahasa.

(1 Markah)

SOALAN 3

1. Apakah akidah yang benar yang wajib diamalkan oleh orang Islam?

(2 Markah)

2. Nyatakan surah dalam Al-Quran yang membuktikan bahawa Allah itu Maha Esa.

(2 Markah)

3. Nyatakan hukum khatan bagi Wanita dan lelaki menurut pendapat Imam Syafié.

(2 Markah)

4. Apakah dosa yang tidak diampunkan oleh Allah SWT?

(2 Markah)

5. Apakah hikmat/kebaikan berkhitan?

(2 Markah)

SOALAN 4

1. Apakah kaedah asas bagi seseorang untuk menganut agama Islam

(2 Markah)

2. Bagaimanakah caranya seseorang yang tidak tahu berbahasa Arab untuk mengucapkan dua kalimah syahadah?

(3 Markah)

3. Apakah contoh-contoh tohmahan atau syak wasangka yang dilemparkan kepada orang bukan Islam yang baru sahaja ingin memeluk Agama Islam?

(4 Markah)

4. Nyatakan contoh adat yang tidak bertentangan dengan syariat.

(1 Markah)

KERTAS SOALAN TAMAT